

22 JUL 1999

Mahathir-petroleum

PUSAT SEDIA MAJUKAN INDUSTRI PETROLEUM DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 22 Julai (Bernama) -- Kerajaan pusat bersedia untuk memajukan industri minyak dan gas di perairan pantai Kelantan sekiranya berjaya membentuk kerajaan negeri selepas pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hasil keuntungan daripada pelaburan itu akan digunakan untuk memajukan rakyat dan negeri itu.

"Walaupun minyak dan gas ada di Kelantan tetapi kuasa memajukannya berada pada kerajaan pusat, dan kerajaan boleh memilih untuk mendaratkannya di Kelantan atau di Terengganu," katanya pada sesi dialog di majlis makan malam bersama dengan pegawai agensi dan jabatan kerajaan sempena lawatannya ke Kelantan, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya oleh seorang hadirin berhubung komitmen kerajaan pusat untuk memajukan industri minyak dan gas yang terdapat banyak di perairan negeri itu.

Perdana Menteri berkata sekiranya dimajukan, Kelantan akan mendapat keuntungan secara langsung dan rakyatnya turut menikmati faedah hasil daripada wujudnya pelbagai industri sampingan.

Ketika ditanya sama ada cadangan pembinaan jalan raya Persisiran Pantai Timur akan diteruskan hingga ke Kelantan, Dr Mahathir berkata kajian mendapati projek itu tidak menguntungkan sekiranya pungutan tol dikenakan.

"Kalau nak tol, perlu cukup volume (kenderaan) untuk membayar balik pelaburan kerana jalan raya ini menelan perbelanjaan yang besar iaitu RM4 bilion daripada Karak hingga ke Terengganu," katanya.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun bagi kepentingan rakyat dan kemajuan negeri berkenaan, jalan raya itu yang menghubungkan Karak dan Terengganu akan diteruskan juga.

"Sama ada viable (untung) atau tidak, kita akan bangunkan...tetapi ke Kelantan kurang sesuai," katanya.

Menurutnya kerajaan pusat mungkin mengkaji semula sama ada meneruskan pembinaan jalan raya itu hingga ke Kelantan sekiranya Barisan Nasional menjadi kerajaan negeri Kelantan.

Dr Mahathir berkata langkah itu penting kerana kerajaan pusat memerlukan kerjasama penuh daripada kerajaan negeri bagi mengurangkan kos pembinaan jalan raya melalui pemberian tanah dan pengurangan pampasan pengambilan tanah.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga sanggup memberi subsidi bagi memastikan projek itu dilaksanakan seperti yang dibuat semasa pembinaan lebuh raya Utara-Selatan apabila kerajaan menyerahkan satu pertiga daripada lebuh raya yang telah disiapkan itu kepada Projek Lebuh raya Utara Selatan (PLUS) Sdn Bhd.

Menurutnya tindakan memberi subsidi itu bukan bagi menguntungkan PLUS sebaliknya untuk memastikan bayaran tol yang dikenakan adalah pada tahap minimum dan tidak membebankan pengguna jalan raya.

Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia membantu membina jalan raya baru kerana ia menguntungkan negara dan kerajaan bagi tempoh jangka panjang apabila banyak kawasan baru dibuka oleh syarikat swasta yang kemudian membayar cukai kepada kerajaan hasil daripada keuntungan mereka.

-- BERNAMA

RAR NAK